

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEDUA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 22 Jun 2009**

**SOALAN**

YB Dato' Rashid bin Din (Merbok) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah tahap keberkesanan pegawai kontrak yang ditauliahkan khas untuk program 'CARI-CARI' untuk membasmi kemiskinan. Berapakah tahap penambahan kes berbanding dengan cara biasa dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Yakni berapa kes setiap pegawai JKM berbanding berapa kes setiap pegawai kontrak.

## **JAWAPAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melancarkan Projek CARI pada 17 Julai 2008. Melalui pelantikan pegawai kontrak untuk melaksanakan Projek CARI, Kementerian telah berjaya mengesan kes-kes yang tercicir dan terpinggir di seluruh negara. Keberkesanan tersebut dapat dilihat berdasarkan meningkatnya jumlah kes yang dikesan melalui Projek CARI. Sehingga 12 Jun 2009, jumlah kes yang dikesan melalui Projek CARI ini adalah sebanyak 204,346 kes dan daripada jumlah tersebut, 88,542 kes telah diluluskan, 48,626 kes tidak diluluskan dan sebanyak 67,178 kes lagi masih di dalam siasatan. Tuan Yang di-Pertua, Adalah sukar untuk dibuat perbandingan beban kes yang dikendalikan oleh pegawai kontrak Projek CARI dengan pegawai JKM memandangkan beban tugas dan tanggungjawab antara kedua kumpulan pekerja ini yang berbeza. Bagi pegawai kontrak Projek CARI, mereka adalah bertanggungjawab untuk membuat pengesahan kes dan menjalankan siasatan awal sahaja manakala pegawai JKM pula mereka bertanggungjawab bagi urusan siasatan, bayaran bantuan dan kaji semula kes bantuan. Di samping itu, pegawai JKM juga mengendalikan tugas-tugas lain seperti pengendalian kes pesalah muda, pendaftaran OKU, kemasukan ke institusi kebajikan dan tugas-tugas lain yang tersenarai dalam tugas masing-masing.

Jawapan Disediakan Oleh :- 1) Nama : Rosnah bt Sardi 2) Jawatan : Penolong Pengarah Kanan 3) Bahagian : Pembangunan Komuniti 4) No.Tel. : 03-26165680 Jawapan Disemak Oleh Jabatan:- 1) Nama : Norani Haji Mohd Hashim 2) Jawatan : Pengarah Perancangan dan Pembangunan Jawapan Diluluskan Oleh Jabatan:- 1) Nama : Dato' Meme Zainal Rashid 2) Jawatan : Ketua Pengarah JKM Jawapan Disemak Oleh Kementerian:- 1) Nama : Dato' Saripuddin Kasim 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Tan Sri Faizah Mohd Tahir 2) Jawatan : Ketua Setiausaha

